



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 464/2003

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA MOTOSIKAL) 2003

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 74/2004

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

25 Disember 2003

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Januari 2004

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran](#)
- Peraturan 3. [Pemakaian](#)
- Peraturan 4. [Pegawai diberi kuasa](#)
- Peraturan 5. [Had pelepasan bergas bagi enjin motosikal dalam ujian kelulusan jenis](#)
- Peraturan 6. [Ketidapkakaian peraturan 5](#)
- Peraturan 7. [Ujian yang hendaklah dijalankan oleh pengilang](#)
- Peraturan 8. [Penerimaan standard yang setara atau lebih ketat](#)
- Peraturan 9. [Kemudahan yang diluluskan](#)
- Peraturan 10. [Had pelepasan bergas melahu bagi motosikal yang sedang digunakan](#)
- Peraturan 11. [Enjin hendaklah dimatikan di dalam kawasan tertutup](#)
- Peraturan 12. [Pemberian lesen bagi pelanggaran syarat-syarat yang boleh diterima](#)
- Peraturan 13. [Fi](#)

Peraturan 14. [Kompaun](#)

[JADUAL PERTAMA](#)

[JADUAL KEDUA](#)

[JADUAL KETIGA](#)

[JADUAL KEEMPAT](#)

[JADUAL KELIMA](#)

[JADUAL KEENAM](#)

[JADUAL KETUJUH](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21, 22, 45, 49 dan 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Peraturan 2. Tafsiran

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"model baru" ertinya mana-mana model motosikal yang dipasang atau dibina selepas 1 Januari 2004 dan dilengkapi dengan jenis enjin yang direkabentuk selepas 1 Januari 2004;

"model semasa" ertinya mana-mana model motosikal yang dipasang atau dibina sebelum 1 Januari 2004 dan dilengkapi dengan jenis enjin yang direkabentuk pada atau sebelum 1 Januari 2004;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta dan mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 4;

"pelepasan bergas" ertinya pelepasan apa-apa pencemar ke dalam atmosfera daripada mana-mana bahagian enjin motosikal termasuklah pemasangan ekzos, kotak engkol enjin, sistem pengalihan udara atau pelinciran;

"pengilang" ertinya pengilang yang dilesenkan di bawah seksyen 4 Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [*Akta 156*];

"ujian kelulusan jenis" ertinya ujian kelulusan jenis yang disebut dalam peraturan 7.

Peraturan 3. Pemakaian

Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi kenderaan motor yang didaftarkan sebagai motosikal di bawah seksyen 11 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*].

Peraturan 4. Pegawai diberi kuasa

Ketua Pengarah boleh memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai lain yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 49 Akta bagi maksud-maksud Peraturan-Peraturan ini.

Peraturan 5. Had pelepasan bergas bagi enjin motosikal dalam ujian kelulusan jenis

(1) Mana-mana pengilang mana-mana model semasa atau baru, yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang 2(a) Jadual Pertama, hendaklah memastikan bahawa pelepasan bergas model itu dalam ujian kelulusan jenis mematuhi had pelepasan bergas yang ditetapkan dalam Jadual Kedua mulai tarikh yang ditetapkan dalam ruang 2(b) Jadual Pertama.

(2) Mana-mana orang yang bercadang untuk mengimport model semasa atau baru, yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang 2(a) Jadual Pertama, hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah tentang ujian kelulusan jenis yang dijalankan ke atas model itu berhubung dengan pelepasan bergas model itu bagi maksud mematuhi had pelepasan bergas yang ditetapkan dalam Jadual Kedua mulai tarikh yang ditetapkan dalam ruang 2(b) Jadual Pertama.

(3) Selepas berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah meluluskan laporan itu.

(4) Mana-mana pengilang atau orang yang tidak mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) atau (2) atau mana-mana orang yang memalsukan laporan ujian yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah di

bawah subperaturan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi seratus ribu ringgit atau pemenjaraan yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 6. Ketidapkakaian peraturan 5

Peraturan 5 tidak terpakai bagi mana-mana motosikal yang digunakan bagi maksud perlumbaan dalam litar lumba yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga atau dalam acara perlumbaan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

Peraturan 7. Ujian yang hendaklah dijalankan oleh pengilang

(1) Bagi maksud mengesahkan had pelepasan bergas bagi enjin motosikal yang ditetapkan dalam ruang 2(a) Jadual Pertama, pengilang hendaklah menjalankan ujian kelulusan jenis pelepasan bergas bagi tiap-tiap model semasa dan baru dan hendaklah dengan serta-merta mengemukakan keputusan ujian itu kepada Ketua Pengarah.

(2) Pengilang hendaklah menjalankan ujian kelulusan jenis pelepasan bergas menurut Arahan Majlis Jawatankuasa Ekonomi Eropah ("EEC") 97/24/EC bertarikh 17 Jun 1997.

(3) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah subperaturan (1), pengilang hendaklah menjalankan ujian pelepasan bergas melahu pada setiap bulan bagi mengesahkan had pelepasan bergas melahu bagi mana-mana model semasa dan baru, yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang (4)(a) Jadual Pertama, mematuhi had yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dan hendaklah mengemukakan keputusan ujian itu kepada Ketua Pengarah pada setiap suku tahun mulai tarikh yang ditetapkan dalam ruang 4(b) Jadual Pertama.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), pengilang hendaklah memilih secara rambang sampel yang tidak kurang daripada satu peratus daripada bilangan kenderaan motor tahunan yang dirancang untuk dipasang atau dikilang.

(5) Ketua Pengarah boleh mengarahkan pengilang untuk menjalankan ujian pelepasan bergas melahu di hadapan seorang pegawai diberi kuasa, atas perbelanjaan pengilang dan mengikut tatacara yang

ditetapkan dalam Jadual Kelima, di mana-mana kemudahan yang ditentukan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 9.

(6) Mana-mana pengilang yang memalsukan keputusan ujian yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah menurut subperaturan (1) atau (3), atau tidak menjalankan ujian atau menjalankan ujian dengan tidak mengikut keperluan dalam subperaturan (2), atau tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah di bawah subperaturan (5), adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi seratus ribu ringgit atau pemenjaraan yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 8. Penerimaan standard yang setara atau lebih ketat

Walau apapun peraturan 5 dan 7, Ketua Pengarah boleh menerima suatu jenis enjin yang mematuhi apa-apa standard pelepasan dan tatacara ujian yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah setara atau lebih ketat lagi daripada tatacara ujian dan spesifikasi yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Peraturan 9. Kemudahan yang diluluskan

Ketua Pengarah boleh menentukan, atau atas permohonan meluluskan, mana-mana kemudahan, yang dilengkapkan dengan meter bergas yang perlu dan kakitangan yang terlatih, sebagai kemudahan yang diluluskan untuk menjalankan ujian pelepasan bergas melahu bagi maksud mengesahkan had pelepasan bergas bagi enjin motosikal.

Peraturan 10. Had pelepasan bergas melahu bagi motosikal yang sedang digunakan

(1) Mana-mana pemunya berdaftar atau penunggang motosikal yang sedang digunakan yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang 4(a) Jadual Pertama hendaklah memastikan supaya motosikal yang sedang digunakan itu tidak melepaskan pencemar bergas melebihi had pelepasan yang ditetapkan dalam Jadual Keempat mulai tarikh yang ditetapkan dalam ruang 4(b) Jadual Pertama.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit.

(3) Dalam peraturan ini, motosikal yang sedang digunakan termasuklah motosikal yang tidak bergerak sama ada enjin motosikal itu dihidupkan atau tidak.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan ujian pelepasan bergas melalu bagi mana-mana motosikal yang sedang digunakan yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang 4(a) Jadual Pertama dan keputusan ujian itu hendaklah direkodkan dalam Perakuan Ujian yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

(5) Suatu salinan Perakuan Ujian itu hendaklah dikeluarkan kepada pemunya berdaftar atau penunggang motosikal yang telah diuji menurut subperaturan (4).

(6) Mana-mana orang yang menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 11. Enjin hendaklah dimatikan di dalam kawasan tertutup

(1) Tiada seorangpun yang menunggang motosikal boleh membiarkan enjin motosikal itu hidup semasa motosikal itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga minit di dalam kawasan tertutup atau kawasan awam atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit.

Peraturan 12. Pemberian lesen bagi pelanggaran syarat-syarat yang boleh diterima

(1) Ketua Pengarah boleh, atas permohonan dan atas bayaran fi yang ditetapkan, memberikan lesen untuk melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini, kepada mana-mana orang bagi penggunaan sesuatu motosikal semata-mata bagi maksud menilai kekukuhan atau pelaksanaan pelepasan motosikal itu.

(2) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas pemberian lesen itu termasuklah syarat mengenai tempat penilaian dan orang yang bertanggungjawab bagi penjagaan motosikal semasa tempoh penilaian yang disebut dalam subperenggan (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat lesen yang diberikan di bawah peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 22 Akta.

Peraturan 13. Fi

Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini ditetapkan dalam Jadual Ketujuh.

Peraturan 14. Kompoun

(1) Kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, kecuali kesalahan di bawah peraturan 5 dan 7 dan subperaturan 10(6), boleh dikompoun di bawah seksyen 45 Akta.

(2) Pengkompounan apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompoun Kesalahan-Kesalahan) 1978 [*P.U. (A) 281/1978*].

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 5 dan subperaturan 7(1), 7(2), dan 10(1)]

(1)	(2)		(3)	(4)		(5)
<i>Kategori Motosikal</i>	<i>Ujian Kelulusan Jenis Pelepasan Bergas</i>		<i>Had Pelepasan</i>	<i>Ujian Pelepasan Bergas Melahu</i>		<i>Had Pelepasan</i>
	<i>(a) Jenis Enjin</i>	<i>(b) Tarikh Berkuatkuasa</i>		<i>Jenis Enjin</i>	<i>Tarikh Berkuatkuasa</i>	
1. Import						

(a) Model baru	2 dan 4 lejang	1-1-2005	Jadual Kedua	2 dan 4 lejang	1-1-2004	Jadual Keempat
(b) Model semasa	2 dan 4 lejang	1-7-2005	Jadual Kedua	4 lejang	1-1-2004	Jadual Keempat
2. Pemasangan atau pembinaan tempatan						
(a) Model baru	2 dan 4 lejang	1-7-2005	Jadual Kedua	2 dan 4 lejang	1-1-2004	Jadual Keempat
(b) Model semasa	2 dan 4 lejang	1-7-2006	Jadual Kedua	2 lejang 4 lejang	1-1-2004	Jadual Keempat
3. Motosikal yang digunakan	-	-	-	4 lejang	1-1-2004	Jadual Keempat

JADUAL KEDUA

[Peraturan 5 dan subperaturan 7(1)]

HAD PELEPASAN BERGAS BAGI ENJIN MOTOSIKAL

Pelepasan Karbon Monoksida, (CO) Hidrokarbon (HC) dan Nitrogen Oksida (NO_x) tidak boleh melebihi had-had yang berikut yang disukat oleh Arahan Majlis Jawatankuasa Ekonomi Eropah ("EEC") 97/24/EC bertarikh 17 Jun 1997 mengenai penganggaran undang-undang negara-negara anggota berhubung dengan langkah-langkah yang hendak diambil terhadap pencemaran udara oleh pelepasan kenderaan dua atau tiga roda:

<i>Jenis Enjin</i>	<i>CO (g/km)</i>	<i>HC (g/km)</i>	<i>NO_x (g/km)</i>
2 lejang	8	4	0.1
4 lejang	13	3	0.3

JADUAL KETIGA

[Peraturan 6]

Litar Perlumbaan

1. Litar Perlumbaan Sepang, Sepang, Selangor
2. Litar Perlumbaan Johor, Pasir Gudang, Johor

JADUAL KEEMPAT

[Subperaturan 7(3) dan 10(1)]

HAD PELEPASAN BERGAS MELAHU BAGI ENJIN MOTOSIKAL

<i>Kategori Motosikal</i>	<i>Karbon Monoksida (CO)</i>
	%
Motosikal yang sedang digunakan yang jenis enjinnya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama	4.5

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 7(5)]

UJIAN PELEPASAN BERGAS MELAHU BAGI ENJIN MOTOSIKAL

1. Ujian ini hendaklah dijalankan dengan menggunakan penganalisis karbon monoksida yang boleh menyukat karbon monoksida dalam peratusan.
2. Tatacara ujian adalah seperti yang berikut:

(a) pecut enjin hingga kelajuan sederhana tanpa beban, diteruskan selama sekurang-kurangnya 15 saat, kemudian kembalikan enjin kepada kelajuan melahu;

(b) semasa enjin melahu, masukkan kuar sampel ke dalam paip ekzos sedalam yang boleh tetapi dalam apa-apa hal tidak kurang daripada 300 mm; dan

(c) tunggu sekurang-kurangnya 20 saat dan ambil bacaan karbon monoksida sebagaimana yang diberikan oleh penganalisis.

JADUAL KEENAM

[Subperaturan 10(4)]

PERAKUAN UJIAN PELEPASAN BERGAS MELAHU BAGI MOTOSIKAL

No. Siri: No.

Pendaftaran Motosikal:

Buatan/Model:

Tarikh Ujian :

Masa Ujian :

Tempat Ujian :

Meter Digunakan :

No. Siri :

No. Sijil Kelayakan :

REKOD UJIAN PELEPASAN BERGAS MELAHU

Karbon Monoksida :%

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

PERAKUAN UJIAN DIKELUARKAN KEPADA

Nama Pemunya Berdaftar/*Penunggang Motosikal :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

Tandatangan Pemunya Berdaftar/*Penunggang:

.....

No. Lesen Memandu : .. Habis tempoh:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

[Pemb. P.U. (A) 74/2004]

JADUAL KETUJUH

[Peraturan 13]

Fi

Fi bagi permohonan lesen pelanggaran syarat-syarat boleh diterima di bawah subperaturan 12(1) ialah RM300.00 bagi setiap motosikal.

Dibuat 1 Disember 2003

[AS(S) 91/110/919/617 Jld. 3; PN(PU2) 280/VIII]

DATO' SERI LAW HIENG DING
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

SENARAI PINDAAN

*Undang-undang
yang meminda*

Tajuk ringkas

*Berkuat kuasa
dari*

[P.U. \(A\) 74/2004](#)

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling
(Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003
- Pembedulan

Copyrights Reserved □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD